

Headline	My Best Buy FAMA bantu usahawan tani		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	04 Dec 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	8,443
Page No	26	Readership	25,329
Language	Malay	ArticleSize	131 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,235
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,705



My Best Buy FAMA bantu usahawan tani

SUNGAI PETANI 3 Dis. - Penganjuran program *My Best Buy* oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dilihat bukan sahaja memberi faedah kepada pengguna malah membuka peluang kepada usahawan tempatan memasarkan produk masing-masing.

Pegawai FAMA Bakar Arang, Mohd. Fauzi Hashim berkata, penganjuran program tersebut membolehkan usahawan tempatan mengambil peluang memasarkan produk di kawasan mereka secara terus kepada orang ramai.

"Kira-kira 50 usahawan tani mengambil bahagian untuk

menjual barangan segar pada harga yang lebih murah antara lima hingga 20 peratus berbanding harga pasaran secara terus kepada pengguna.

"Program ini memberi peluang juga kepada orang ramai boleh melihat dan membeli apa sahaja produk pertanian, ternakan, perikanan dan sebagainya yang disukai dengan harga murah itu," katanya di sini baru-baru ini.

Menurutnya, usahawan tani terlibat memberi kerjasama dengan menjual barang-barang keperluan pada harga berpatutan yang mana menepati objektif penganjuran program *My Best Buy* tersebut.

Sementara itu, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Sungai Petani, Datuk Shahanim Mohamad Yusoff ketika merasmikan program itu berkata, langkah diambil FAMA untuk membantu masyarakat mendapatkan barangan pada harga lebih murah adalah baik sekali.

"Saya berharap program begini diperluaskan di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negara mulai tahun depan. Jika dapat dilaksanakan, soal kos sara hidup yang semakin mencabar pada masa kini dapat dikurangkan," katanya.